

# MCA, UM-5/8/2006 pemimpin Cina jumpa Abdullah esok

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting akan mengetuai satu delegasi terdiri daripada MCA dan masyarakat Cina untuk berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Ahad ini bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi negara dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sumber parti itu memberitahu *Bernama* hari ini bahawa perjumpaan tertutup itu dijadual diadakan pada 9.30 pagi di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana, di Putrajaya.

"Delegasi itu termasuk empat menteri dari MCA, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha parlimen, manakala masyarakat Cina diwakili oleh ahli jawatankuasa pelbagai pertubuhan Cina," katanya.

Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) akan bertindak sebagai sekretariat bagi perjumpaan itu.

"Pertemuan ini bukan sesuatu yang baru. Ia hanya sesi perundingan yang diadakan dari masa ke semasa dengan pemimpin negara," katanya.

Sementara itu, seorang pembantu kepada Perdana Menteri mengesahkan perjumpaan itu akan diadakan Ahad ini dan ia adalah sebahagian daripada proses rundingan Abdullah dengan pelbagai kumpulan peniaga.

"Kini giliran kumpulan masyarakat Cina. Perjumpaan itu hanya membincangkan soal ekonomi," katanya.

- **Bernama**